

**Bagi Anwar MB itu kecil, dia hendak jadi PM - Tun M
Astro Awani
16 Ogos 2014
Oleh T K Letchumy Tamboo,**

PUTRAJAYA: Krisis di Selangor berlaku kerana sandiwara Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan cita-citanya untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Ini adalah pendapat mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang berkata Ketua Umum PKR itu cuba untuk menjadi Menteri Besar Selangor terlebih dahulu, sebelum mensasarkan kerusi Perdana Menteri.

“Jangan fikir dia hendak jadi Menteri Besar sahaja. Bagi Anwar, Menteri Besar itu kecil. Dia hendak jadi Perdana Menteri. Barulah ‘Menteri Besar’ betul.

“Kalau dia dapat jadi Menteri Besar Selangor, dan Selangor ini negeri yang kaya, mungkin dia dapat meningkatkan keupayaannya untuk mempengaruhi 12 orang ahli parlimen menyeberang ke Pakatan Rakyat dan dengan itu dia akan jadi majoriti dan Datuk Seri Najib Razak akan jatuh.

“Dia akan jadi Perdana Menteri,” kata beliau semasa satu sidang media selepas mengadakan sesi dialog bertajuk ‘Evolusi identiti anak muda Malaysia’ di sini, hari ini.

Apabila ditanya haruskah pilihan raya diadakan di Selangor, Mahathir berkata ia boleh diadakan tetapi ia tidak akan menyelesaikan masalah yang sedia ada.

“Boleh ada pilihan raya baru tapi saya fikir ia tidak akan selesaikan masalah selagi Anwar tidak jadi Perdana Menteri. Kalau bagi dia jadi Perdana Menteri satu bulan, saya ingat dia akan puas hati tetapi dia tidak akan melepaskan,” sindir Tun Mahathir.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim tidak menolak kemungkinan membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebagai langkah menyelesaikan krisis kepimpinan yang melanda negeri itu.

Bagaimanapun, beliau berkata segala keputusan akan diambil setelah beliau mendapat nasihat dan perkenan Sultan Selangor.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.
Source: <http://www.astroawani.com/news/show/bagi-anwar-mb-itu-kecil-dia-hendak-jadi-pm-tun-m-42024>